

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA: 4(B)(VIII)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG
YB. LIM SIEW KHIM**

24. Apakah status terkini kegunaan Jeti Nelayan Jelutong?
- (a) Adakah Jeti Nelayan Jelutong sudah beroperasi dengan sepenuh masa? Jika tidak, kenapa?
 - (b) Sila huraikan dengan terperinci permasalahan dan cabaran yang dihadapi oleh pihak kerajaan atau nelayan berkaitan jeti ini.

**YB. DR. AFIF BIN BAHARDIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

24. (a) Status Jeti Nelayan Jelutong terkini adalah masih dalam penyelenggaraan oleh pihak IJM berikutan kejadian ribut pada November 2017 yang mengakibatkan kerosakan pada cerucuk, *pontoon* dan *wave attenuator*.

Jeti Nelayan Jelutong masih belum beroperasi sepenuhnya memandangkan nelayan belum berpindah ke jeti tersebut kerana terdapat beberapa tuntutan yang diminta oleh pihak nelayan masih di peringkat perbincangan.

- (b) Antara cabaran yang dihadapi dalam usaha menyelesaikan isu Jeti Nelayan Jelutong adalah:-
 - (i) Tuntutan nelayan yang masih dalam pertimbangan seperti berikut:-

- (a) Benteng pemecah ombak yang diperlukan bagi melindungi *vesse/* dan keselamatan nelayan di jeti;
 - (b) Unit Nelayan Jelutong memohon dua (2) buah gerai tambahan dibina sebagai premis kegiatan ekonomi mereka; dan
 - (c) Permohonan pampasan tambahan.
- (ii) Dakwaan pihak nelayan bahawa jeti tersebut jauh berbanding dari jeti asal dan menyebabkan penambahan kos operasi mereka.
 - (iii) Jeti tersebut tidak dapat menampung jumlah bot nelayan sedia ada.